

Dr. Mahathir membeli-belah di Pekan Rabu

UM 1 DEC 2001
ALOR SETAR 30 Nov. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengambil kesempatan membeli-belah dan meninjau Kompleks Pekan Rabu sempena lawatan sehari beliau di sini.

Dr. Mahathir menghabiskan masa kira-kira 40 minit sebelum meninggalkan kompleks itu pada pukul 5.20 petang bagi merasmikan Kompleks Islam Albukhary di Alor Malai di sini.

Beliau kelihatan membeli songkok, capal dan butang baju Melayu di Kedai Songkok Sardi Dahar di situ.

Isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali membeli kain tudung di kedai bersebelahan, Melati Niaga.

Dr. Mahathir kemudian ke pejabat Pekan Rabu Holdings Sdn. Bhd. untuk taklimat ringkas mengenai

pembangunan di Kompleks Pekan Rabu yang sedang diubahsuai.

Taklimat itu disampaikan oleh Pengerusi Koperasi Pekan Rabu Azmi Shahab.

Selepas itu beliau melawat gerai kuih dan bazar Ramadan di kompleks itu serta membeli juadah berbuka puasa seperti nasi tomato, nasi kerabu, pulut udang, kuih baulu, kerabu emping dan kuih meniram.

— **Bernama**